

WA-24C-44-06/2016

Encl No. 25

WP2016100701314

12032751 WP2016100701314 07/10/2016 16:35:33

WA-24C-44-06/2016

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR.....80.0 X 1

Jumlah RM*****80.00

DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

(BAHAGIAN SIVIL)

SAMAN PEMULA NO: WA-24C-44-06/2016

Dalam perkara adjudikasi antara Crest Builder Sdn Bhd (Penuntut) dan Tenaga Poly Sdn Bhd (Responden) [No. Rujukan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. KLRCA/D/ADJ-0331-2016];

Dan

Dalam perkara Notis Adjudikasi bertarikh 28.4.2016 oleh Crest Builder Sdn Bhd;

Dan

Dalam perkara Notis kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur bertarikh 29.4.2016 oleh Crest Builder Sdn Bhd;

Dan

Dalam perkara Tuntutan Pembayaran bertarikh 13.4.2016 oleh Tenaga Poly Sdn Bhd dan Jawapan Pembayaran bertarikh 27.4.2016 oleh Crest Builder Sdn Bhd;

Dan

Dalam perkara Seksyen-seksyen 4, 5, 6, 7(1), 8, 21, 23 dan 27(1) Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012

ANTARA

**TENAGA POLY SDN BHD
(No. Syarikat: 211874-A)**

... PLAINTIF

DAN

**CREST BUILDER SDN BHD
(No. Syarikat: 110330-K)**

... DEFENDAN

**DI HADAPAN HAKIM
LEE SWEE SENG
PADA 14 SEPTEMBER 2016**

DALAM KAMAR

PENGHAKIMAN

S\N B1WVIOOYNOQW

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

ATAS PERMOHONAN pihak Plaintiff yang dinamakan di atas **DAN SETELAH MEMBACA** Saman Pemula bertarikh 17.6.2016, Afidavit-afidavit dan hujahan-hujahan yang kesemuanya telah difailkan di sini **DAN SETELAH MENDENGAR** Raymond Mah, Gan Chong Chieh dan Denise Phang, peguamcara bagi Plaintiff, dan Lam Wai Loon dan Serene Hiew, peguamcara bagi Defendan **MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN BAHAWA**

1. Permohonan-permohonan 1 dan 3 dalam Saman Pemula adalah ditolak;
2. Berkenaan dengan permohonan-permohonan 2, 4 dan 5 dalam Saman Pemula, satu deklarasi bahawa:-
 - 2.1. Pihak yang tidak membayar boleh mengemukakan semua pembelaan-pembelaan yang sah di sisi undang-undang apabila berhadapan dengan tuntutan daripada pihak yang tidak dibayar;
 - 2.2. Pihak yang tidak membayar boleh mengemukakan satu pembelaan untuk ganti rugi tertentu (*liquidated ascertained damages*) ("LAD") sebagai tolakan (*set-off*) kepada tuntutan pihak yang tidak dibayar, dan jika diterima oleh adjudikator, tuntutan pihak yang tidak dibayar boleh menjadi sifar (*zeroised*), tetapi tidaklah sehingga pihak yang tidak dibayar akan diarahkan untuk membayar pihak yang tidak membayar;
 - 2.3. Satu tuntutan untuk LAD bukan satu 'tuntutan pembayaran' (*'payment claim'*) dalam maksud Seksyen 4 dan Seksyen 5 Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012. Oleh itu, pihak yang tidak membayar tidak boleh mengemukakan LAD sebagai satu tuntutan balas yang tersendiri (*stand-alone*) tetapi hanya boleh mengemukakannya sebagai satu pembelaan yang menyeluruh kepada tuntutan pihak yang tidak dibayar sahaja; dan

3. Tiada perintah untuk kos.

Bertarikh pada 14 September 2016



NUR FARAHAIN
BINTI ROSLAN
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Pembinaan
Kuala Lumpur



Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

PENGHAKIMAN ini difailkan oleh MahWengKwai & Associates, peguamcara bagi pihak Plaintiff yang mempunyai alamat penyampaian di Level 10-1, Tower B, Menara Prima, Jalan PJU 1/39, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.


[Tel: 03-7887 2702 / Faks: 03-7887 2703]

[Ruj: M6222/RM/GCC/DP]

TRANSLATION

SIN B1WVIOOYNOQW

**Note: Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal



**IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR
IN THE FEDERAL TERRITORY OF MALAYSIA
(CIVIL DIVISION)**

ORIGINATING SUMMONS NO: WA-24C-44-06/2016

In the matter of an adjudication between Crest Builder Sdn Bhd (Claimant) and Tenaga Poly Sdn Bhd (Respondent) [Kuala Lumpur Regional Centre For Arbitration Ref No. KLRCA/D/ADJ-0331-2016];

And

In the matter of the Notice of Adjudication dated 28.4.2016 by Crest Builder Sdn Bhd;

And

In the matter of the Notice to the Director of Kuala Lumpur Regional Centre For Arbitration dated 29.4.2016 by Crest Builder Sdn Bhd;

And

In the matter of Payment Claim dated 13.4.2016 by Tenaga Poly Sdn Bhd and Payment Response dated 27.4.2016 by Crest Builder Sdn Bhd;

And

In the matter of sections 4, 5, 6, 7(1), 8, 21, 23 and 27(1) of the Construction Industry Payment and Adjudication Act 2012

BETWEEN

**TENAGA POLY SDN BHD
(Company No.: 211874-A)**

... PLAINTIFF

AND

**CREST BUILDER SDN BHD
(Company No.: 110330-K)**

... DEFENDANT

**BEFORE THE JUDGE
LEE SWEE SENG
ON 14 SEPTEMBER 2016**

IN CHAMBERS

JUDGMENT

ON THE APPLICATION of the abovenamed Plaintiff **AND AFTER READING** the Originating Summons dated 17.6.2016, all Affidavits and all submissions filed herein **AND AFTER HEARING** Raymond Mah, Gan Chong Chieh and Denise Phang, solicitors for the Plaintiff, and Lam Wai Loon and Serene Hiew, solicitors for the Defendant **IT IS THEREFORE ORDERED THAT**

1. Prayers 1 and 3 in the Originating Summons are dismissed;
2. In respect of prayers 2, 4 and 5 in the Originating Summons, a declaration that:-
 - 2.1. a non-paying party can raise all valid defences under the law when confronted with an unpaid party's claim;
 - 2.2. A non-paying party may raise a defence of Liquidated and Ascertained Damages ("LAD") as a set-off to the unpaid party's claim, and if accepted by the adjudicator, the unpaid party's claim may be zeroed, but not to the extent where the unpaid party would be made to pay the non-paying party;
 - 2.3. A LAD claim is not a 'payment claim' within the meaning of Section 4 and Section 5 of Construction Industry Payment and Adjudication Act 2012. As a corollary, a non-paying party cannot raise LAD as a stand-alone counterclaim but may only set it out as a complete defence to the unpaid party's claim at most; and

3. No order as to cost.

Dated this 14th day of September 2016

.....
Registrar/Senior Assistant Registrar
High Court
Kuala Lumpur

This **JUDGMENT** is filed by MahWengKwai & Associates, solicitors for the Plaintiff with an address for service at Level 10-1, Tower B, Menara Prima, Jalan PJU 1/39, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

[Tel: 03-7887 2702 / Fax: 03-7887 2703]

[Ref: M6222/RM/GCC/DP]